



## KPT persiap graduan dengan kemahiran digital

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Julai 7, 2022 @ 6:37pm  
[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)



Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (tengah) melakukan lawatan ke Akademi AirAsia pada Majlis Pelancaran On-Demand Learning (ODL) Akademi AirAsia di Kuala Lumpur Sentral hari ini.

KUALA LUMPUR: Permintaan terhadap pekerja berkemahiran digital semakin meningkat dan kritikal bagi membantu perkembangan industri serta ekonomi di Malaysia.

Justeru, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata pelaksanaan Program Transformasi Digital Graduan Universiti adalah langkah strategik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memastikan graduan negara ini dapat memenuhi keperluan industri.

Beliau berkata, berdasarkan Future of Jobs Report 2020, penawaran pekerjaan dalam bidang digital dilaporkan meningkat sebanyak 12 peratus dalam tempoh tiga tahun lagi, dengan 97 juta pekerjaan pada 2025.

Di Malaysia, hasil kajian Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), mendapati permintaan untuk jawatan berkaitan digital meningkat 300 peratus pada April 2021 berbanding Jun 2020, membabitkan kosongan 56,000 perjawatan, dengan 20 peratus atau 11,200 kosongan jawatan layak diisi graduan baharu.

"Sudah tentu set kemahiran pelbagai yang diperoleh graduan menerusi program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula seperti yang dilaksanakan dengan kerjasama AirAsia Academy ini akan memberikan nilai tambah untuk graduan mendapatkan pekerjaan.

"Apa yang lebih menarik, modul program ini dibangunkan dengan matlamat pada akhirnya nanti, graduan akan terus ditawarkan pekerjaan berdasarkan Letter of Commitment (LOC) yang diberikan industri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Portal On-Demand Learning Tool (ODL), AirAsia Academy dan Penyerahan Penempatan Pekerjaan Program Transformasi Digital Graduan Universiti di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Presiden (Ventures) Capital A dan Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Academy, Aireen Omar dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Dr Ahmad Fauzi Ismail.

Noraini yakin portal berkenaan akan menjadi antara sumber utama yang menawarkan pendidikan secara fleksibel, bukan hanya kepada pelajar dan graduan, malah belia, pekerja dan seluruh Keluarga Malaysia.

Katanya, bagi program berkenaan, kira-kira 200 graduan yang belum bekerja terpilih, selepas mengikuti empat modul bercirikan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) yang dijajarkan mengikut keperluan industri.

"Indikator kejayaan program sebegini memerlukan paduan dan gabungan tenaga semua pihak. Saya berharap kerjasama kolaborasi seperti ini akan dapat diteruskan," katanya.

Portal ODL oleh AirAsia Academy menawarkan pelan langganan yang memberi akses tanpa had kepada ribuan kursus dalam pelbagai bidang.